



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING KETUA PUSTAKAWAN

BILANGAN 1 TAHUN 2024

TAGLINE PERPUSTAKAAN UiTM

“PEMBUDAYAAN ILMU MEMBENTUK ADIWANGSA”

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Perpustakaan UiTM berkenaan *Tagline* baharu Perpustakaan UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Bil.1/2024, bertarikh 11 Januari 2024 telah meluluskan tagline baharu Perpustakaan UiTM iaitu “Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa”.
3. *Tagline* Perpustakaan UiTM bermula pada tahun 2005 dengan menggunakan nama “PTAR@Your Service”. *Tagline* ini merujuk kepada kegirangan dan kepuasan hati pelanggan menjadi keutamaan perpustakaan di dalam penyampaian perkhidmatan.
4. Pada tahun 2012, *tagline* Perpustakaan UiTM dijenamakan semula kepada “Library for All” berdasarkan inisiatif pemerkasaan penyampaian perkhidmatan melalui transformasi pendigitalan perpustakaan yang boleh diakses *anywhere, anyone, anytime*.
5. Pada 9 November 2023, Pengurusan Perpustakaan UiTM telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM. Melalui sesi kunjungan hormat ini, YBhg. Naib Canselor telah memberi cetusan idea bagi penjenamaan semula *tagline* “Library for All” yang dapat menzahirkan Perpustakaan UiTM sebagai sebuah gedung ilmu yang memberi manfaat kepada warga universiti dan masyarakat.

Edaran Dalaman / Pekeliling Ketua Pustakawan Bil. 1/ 2024:
Tagline Perpustakaan UiTM “Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa”

6. Sehubungan itu, pengurusan perpustakaan telah mengalu-alukan semua staf Perpustakaan UiTM untuk menyumbang idea dan kreativiti bagi cadangan *tagline* baharu perpustakaan UiTM.

7. Seterusnya, pada 3 Januari 2024, cadangan *tagline* “Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa” telah dibentangkan dan dipersetujui oleh YBhg. Naib Canselor di dalam Lawatan Rasmi beliau ke Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam.

PELAKSANAAN

8. Semua staf Perpustakaan UiTM perlu memahami pemakaian *tagline* ini yang mengangkat peranan dan kewibawaan perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu dalam penyampaian dan penyantunan ilmu kepada warga universiti dan komuniti.

9. Pengertian *tagline* :-

Pembudayaan Ilmu

Pengamalan dalam penyampaian dan penyantunan ilmu yang dapat memberi makna dan hikmah terhadap diri seseorang.

Membentuk Adiwangsa

Melahirkan insan yang mempunyai nilai mulia, berilmu, beradab dan berintegriti yang bermanfaat sesama manusia, alam serta makhlukNya.

10. Penggunaan reka bentuk adalah seragam bagi keperluan imej korporat, promosi dan publisiti. Semua Perpustakaan UiTM perlu memastikan penggunaan reka bentuk *tagline* adalah seperti berikut:



Edaran Dalaman / Pekeliling Ketua Pustakawan Bil. 1/ 2024:
Tagline Perpustakaan UiTM “Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa”

11. Penggunaan *tagline* ini hendaklah digunakan di peringkat dalaman sahaja bagi perkara berikut:-

- i. Penerbitan buku/laporan tahunan perpustakaan
- ii. *Wallpaper/backdrop* perpustakaan
- iii. Penerbitan video perpustakaan (Bahagian penutup video)
- iv. Slaid pembentangan Perpustakaan (Bahagian penutup slaid)
- v. Hashtag di media sosial perpustakaan

12. Penerbitan poster/banner/bunting bagi program-program rasmi yang melibatkan kerjasama perpustakaan dengan PTJ UiTM dan agensi luar tidak boleh menggunakan *tagline* ini. (Kecuali program khas yang melibatkan penggunaan *tagline* tersebut).

TARIKH DIKELUARKAN

13. Pekeliling ini dikeluarkan pada 12 Januari 2024.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 12 Januari 2024.

PEMAKAIAN

15. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Perpustakaan Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.

اوسها، تقوى، موليا

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



Ts. HJ. AZIZI BIN HAJI JANTAN

Ketua Timbalan Pustakawan

Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan

Dikelilingkan kepada
Semua Staf Perpustakaan UiTM

Rujukan Kami : 100-PTAR (PT.6/1)

Edaran Dalaman / Pekeliling Ketua Pustakawan Bil. 1/ 2024:
Tagline Perpustakaan UiTM "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa"